

BERMAAFAN DI HARI RAYA

**Oleh : Dato' Haji Abdul Majid bin Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor**

Sidang penonton yang dirahmati Allah,

Ibadah puasa mengandungi beberapa hikmah antaranya adalah memberi kesan yang mendalam dalam membentuk diri dan peribadi menjadi mukmin yang sejati. Mukmin yang sentiasa mengukuhkan persaudaraan dan menghubungkan silaturahim melalui bermaafan antara satu sama lain.

Bermaafan adalah sifat yang terpuji yang perlu diamalkan kerana ia membawa kepada sifat taqwa.

“ Dan perbuatan kamu bermaafan (yakni halal menghalalkan) lebih dekat kepada taqwa.

(Ayat 237: Al-Baqarah)

Apakah erti maaf – Imam Ghazali : Maaf itu ialah apabila anda mempunyai hak untuk membalas lalu anda gugurkan hak itu, yakni tidak membalas dalam sebuah Hadis Kudsī Allah berfirman yang bermaksud :

“Nabi Alaihis salam telah bertanya kepada Allah, Wahai Tuhanku amankah hambamu yang lebih mulia menurut pandanganmu. Allah berfirman :

“Orang yang apabila berkuasa (mempunyai musuhnya) dapat segera memaafkan.”

Hadis riwayat daripada Abu Hurairah

Apa yang dapat difahami daripada hadis ini, hamba yang mulia di sisi Allahialah mereka berhati mulia, bersikap lembut dan bertolak ansur. Mereka tidak membalas dendam terhadap seseorang yang ditawannya melainkan ia memaafkan kerana Allah semata-mata.

Orang yang dapat menahan kemarahannya termasuk dalam golongan muttaqin, yakni yang bertaqwa kepada Allah. Allah akan memberi keampunan dan embalas mereka dengan syurga.

Dalam sebuah kisah Saidina Ali – Pada suatu ketika beliau telah dimaki oleh seseorang tetapi beliau tidak membalas sebaliknya menghadiahkan orang itu sehelai pakaian dan wang 1000 dinar.

Penonton yang dirahmati Allah,

Memaafkan kesalahan seseorang adalah tanda yang sangat disukai oleh Allah :-

1. Memaafkan kesalahan seseorang adalah tanda orang yang bertaqwa.
2. Wajib memberi maaf jika telah diminta dan lebih baik lagi memaafkan meskipun tidak diminta.
3. Sifat tidak mahu memaafkan terhadap orang yang meminta maaf adalah sifat syaitan yang akan membawa kerosakkan dalam hidup bermasyarakat.
4. Masyarakat akan aman dan damai jika ahli masyarakat ada sikap pemaaf dan memahami bahawa manusia tidak lepas daripada salah dan silap.

Sabda Rasulullah S.A.W. ; “Orang yang paling gagah ialah orang yang dapat mengalahkan nafsu ketika marah dan orang yang paling sopan santun ialah orang yang memberi maaf sedangkan ia berkuasa membalasnya.

Bersempena dengan Hari Raya Aidil Fitri marilah kita saling bermaafan. Anak-anak hendaklah meminta maaf kepada ibu bapa, adik beradik dan sanak saudara, yang muda hormati yang tua, semenantara yang tua sayangi yang muda. Jangan wujud sifat dendam antara sesama Islam. Tinggalkanlah permusuhan.

Sebagai manusia kita berbeza pendapat, ideology atau keinginan tetapi orang yang mampu berjihad melawan nafsu akan mampu memberi kemaafan.